


### 39. Berkelah di Pantai Changi

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



**Kata bantuan:**

berkelah

baldi

bermandi-manda

pemecah ombak

istana pasir

menjamu

Pada Sabtu lepas, keluarga saya pergi **berkelah** di Pantai Changi. Pemandangan di sana sungguh indah. Ramai kanak-kanak sedang **bermandi-manda**.

Saya pula asyik membina **istana pasir**. Saya menggunakan pelbagai **baldi** untuk membuat bentuk-bentuk yang berbeza.

Ayah dan abang Kamil pula sedang memancing di atas sebuah **pemecah ombak** yang berdekatan manakala Kak Yani pula seronok bermain layang-layang.

Setelah penat bermain, kami sekeluarga **menjamu** selera dengan nasi ayam yang dibungkus ibu. Kami berasa amat seronok dapat berkelah bersama-sama.